


DISEMBER 16 -31, 2020

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

## Biasiswa Kecil Negeri

# RM23.39 juta

## manfaat 11,000 pelajar sejak 2008

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Seramai 11,000 pelajar sekolah menengah di negeri ini menerima manfaat daripada program Biasiswa Kecil Negeri (BKN) Pulau Pinang sejak 2008 melibatkan perbelanjaan sebanyak RM23.39 juta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa bagi tahun 2020, seramai 1,460 pelajar dari 117 sekolah di seluruh negeri layak menerima BKN melalui peruntukan keseluruhan berjumlah RM999,840.

"Jumlah pemberian adalah sebanyak RM600 kepada pelajar sekolah menengah rendah manakala pelajar menengah atas (RM840).

"Justeru, Kerajaan Negeri berharap agar pemberian BKN ini dapat meringankan beban kewangan yang dihadapi oleh ibu bapa terutama daripada keluarga berpendapatan rendah.

"Malah, adalah diharapkan pemberian ini juga mampu menjadi penyuntik semangat kepada para pelajar untuk meneruskan pelajaran meskipun berdepan pelbagai kesukaran dan cabaran terutama ketika pandemik COVID-19 ini," katanya pada Majlis Penyerahan Cek BKN Pulau Pinang Tahun 2020 di sini pada 28 Oktober lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; barisan Exco Kerajaan Negeri; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar; Ahli-ahli Lembaga BKN Pulau Pinang serta wakil-wakil Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang.

Tambah Kon Yeow, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang telah menaikkan kadar bayaran BKN sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2009 dan 2013.

"Kenaikan kali pertama adalah melibatkan peningkatan sebanyak 100 peratus iaitu daripada RM240 kepada RM480 bagi pelajar menengah rendah dan RM360 kepada RM760 kepada pelajar menengah atas.

"Kenaikan kali kedua pula adalah sebanyak RM120 bagi setiap kategori menjadikan kadar baru BKN kini adalah RM600 bagi pelajar menengah rendah dan pelajar menengah atas (RM840)," ulasnya.




**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyerahkan replika cek penerima BKN Pulau Pinang kepada wakil Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dalam majlis yang diadakan dekat Komtar baru-baru ini.**

Pada tahun ini, majlis penyerahan cek BKN diadakan secara ringkas ekoran penularan COVID-19 yang mana sumbangan diserahkan kepada pegawai-pegawai dari Pejabat Pendidikan Daerah bagi mewakili sekolah-sekolah berkaitan.

Pecahan penerima adalah seperti berikut:-

- Daerah Timur Laut – 242 pelajar dari 35 sekolah dengan peruntukan RM171,360.
- Daerah Barat Daya – 189 pelajar dari 13 sekolah dengan peruntukan RM132,840.
- Daerah Seberang Perai Utara – 361 pelajar dari 25 sekolah dengan peruntukan RM241,320.
- Daerah Seberang Perai Tengah – 411 pelajar dari 29 sekolah dengan peruntukan RM278,280.
- Daerah Seberang Perai Selatan – 257 pelajar dari 15 sekolah dengan peruntukan RM176,040.

# Set peranti komputer Mikro Go Digital kepada usahawan layak

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Sebanyak 350 set peranti komputer bernilai RM320,950 bakal diagihkan kepada usahawan mikro yang layak di bawah Program Mikro Go Digital.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pemberian set peranti komputer tersebut akan membuka peluang lebih besar kepada para usahawan kecil untuk tingkat serta melonjakkan perniagaan masing-masing melalui platform e-dagang tanpa sempadan berbanding perniagaan tradisional yang bersifat fizikal kini.

"Pandemik COVID-19 telah mengubah hampir 100 peratus corak perniagaan sedia ada yang mana kini perniagaan dijalankan secara digital mengikut tuntutan dan kehendak semasa.

"Justeru, Kerajaan Negeri berharap dengan pemberian set peranti komputer ini, ia mampu meningkatkan daya usaha para usahawan mikro untuk menguasai ilmu digital, sekaligus membuka peluang lebih besar kepada mereka," ujarnya pada sidang media Program Bantuan Khas Pemberian Set Peranti Komputer di bawah Skim Perintis Usahawan Mikro Go Digital dekat sini 23 November lalu.

Hadir sama, Exco Perdagangan & Industri dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain; Yeoh Soon Hin (Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif); Dato' Mohd. Bazid Abd. Kahar (Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, PDC); Ku Zaleha Ku Iskandar (Pengurus Bahagian Usahawan PDC) dan Ngoo Seong Boon (Penasihat Teknikal Program Usahawan Mikro Go Digital).

Difahamkan, dana RM320,950 atau RM917 bagi setiap satu set peranti komputer tersebut adalah menggunakan peruntukan tabung Skim Pinjaman Kelangsungan Perniagaan Pulau Pinang (Skim Peka PKS) dikendalikan oleh PDC.




**KETUA Menteri (kanan sekali) dan Abdul Halim Hussain (dua dari kanan) memerhatikan set peranti komputer pada pengumuman Program Bantuan Khas Pemberian Set Peranti Komputer di bawah Skim Perintis Usahawan Mikro Go Digital di sini baru-baru ini.**

Sebagai memperincikan inisiatif berkenaan, Abdul Halim ketika berucap pada sidang media tersebut memaklumkan bahawa Program Usahawan Mikro Go Digital berkaitan adalah lanjutan daripada program Go Penang Digital e-Usahawan kendalian MMK Pembangunan Keusahawanan sejak tahun 2019.

"Di bawah program (Go Penang Digital e-Usahawan) ini, seramai 1,300 usahawan telah terlibat.

"Program ini adalah bertujuan membantu melahirkan golongan usahawan mikro yang pintar serta dapat memanfaatkan kemahiran digital bagi memasarkan produk mereka secara dalam talian sesuai dengan normal baharu pasca COVID-19 dan seterusnya beralih daripada model perniagaan tradisional.

"Kesemua 350 set komputer ini akan menggunakan peranti *Ruggedized Next Unit of Computing* (rNUC) bagi menggantikan unit pemprosesan pusat (CPU) yang mana rNUC adalah lebih tahan lasak serta ciri fizikalnya lebih kecil *(compact)* dan ergonomik berbanding CPU," jelasnya.

Bagi usahawan yang layak, borang permohonan boleh dimuat naik melalui laman sesawang *www.pdc.gov.my* mulai 25 November 2020 dan tarikh tutup permohonan adalah pada 9 Disember 2020.

## Dasar Keluarga Selamat ke arah negeri bebas keganasan

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang sekali lagi menerajui negeri-negeri lain dalam negara dengan memperkenalkan Dasar Keluarga Selamat sebagai langkah awal untuk mewujudkan khidmat sokongan, *First Support Point* di pusat-pusat khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan kaunter agensi-agensi Kerajaan Negeri.

Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng berkata bahawa Kerajaan Negeri sentiasa memandang keluarga sebagai unit asas dalam sesebuah masyarakat.

"Selaras dengan Visi Penang2030, Kerajaan Negeri bertekad untuk membina suatu ekosistem yang selamat untuk semua keluarga di negeri ini melalui Dasar Keluarga Selamat yang diwujudkan sejak Julai tahun ini.

"Malah, Kerajaan Negeri tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk keganasan domestik khasnya terhadap golongan wanita dan kanak-kanak.

"Saya harap dengan adanya dasar ini, ia dapat membantu memberi perlindungan kepada mangsa-mangsa keganasan domestik atau keganasan rumah tangga di negeri ini," ujarnya ketika menyampaikan ucapan aluan di Bengkel Latihan Dasar Keluarga Selamat dekat sini pada 20 Oktober 2020.

Difahamkan, bengkel latihan kali kedua berkaitan diadakan dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan *Women's Centre for Change* (WCC) membabitkan 36 peserta terdiri daripada wakil petugas di 27 Pusat Khidmat ADUN, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan barisan hadapan.

Dalam pada itu, Chong Eng yang juga Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah PWDC memaklumkan bahawa fungsi Pusat Khidmat ADUN adalah sangat penting kerana ia berkait rapat dengan komuniti setempat.

"Bukan sahaja (berfungsi) untuk melindungi golongan dipinggirkan tetapi juga mangsa keganasan rumah tangga.




**CHONG Eng ketika menyampaikan ucapan pada penganjuran Bengkel Latihan Dasar Keluarga Selamat di sini baru-baru ini.**

"Oleh itu, sistem sokongan, *First Support Point* perlu diwujudkan di Pusat Khidmat ADUN bagi membuka ruang kepada mangsa keganasan untuk tampil.

"Marilah kita sama-sama memakmurkan Pulau Pinang sebagai negeri yang bebas daripada keganasan," serunya yang turut berharap agar para peserta dapat mengaplikasikan latihan melalui bengkel ini di peringkat komuniti nanti.

Mengulas mengenai pertanyaan pemberita, Chong Eng menegaskan keperluan mewujudkan mahkamah khas iaitu Mahkamah Keluarga bagi mengendali kes-kes kekeluargaan secara menyeluruh.

"Mahkamah Keluarga ini akan mengendalikan kes-kes keganasan rumah tangga dan pada masa sama menawarkan khidmat kaunseling sebagai pakej kepada mangsa berkaitan," sarannya.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Baik pulih bangunan DUN siap

**PADANG KOTA** – Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) secara rasminya menerima penyerahan kembali bangunan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang yang sebelum ini bawah usaha baik pulih Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang.

Majlis penyerahan tersebut disempurnakan dengan gimik ketukan *gavel* oleh Yang Dipertua DUN Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang di dalam dewan persidangan DUN.

Majlis kemudian disusuli dengan upacara menandatangani dokumen persetujuan penyerahan oleh Pengarah JKR Negeri Pulau Pinang, Ir. Roslan Ismail kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Ahmad Rizal Mohd. Hanapiah mewakili Setiausaha Kerajaan Negeri.

Choo Kiang ketika ditemui berkata bahawa cadangan untuk membaik pulih serta menaik taraf bangunan DUN disuarakan pada tahun 2017 dan kerja-kerja pemulihan dimulakan pada Mac 2019.

"Kerajaan Negeri telah memberi kepercayaan penuh kepada JKR Pulau Pinang untuk menyempurnakan kerja-kerja baik pulih sehingga siap walaupun terpaksa berdepan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran pandemik COVID-19.

"Tambahan pula, kerja-kerja membaik pulih ini bukan sesuatu yang mudah memandangkan bangunan DUN berada dalam kategori Zon 1 Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town," ujarnya pada Majlis Penyerahan Projek Kerja-kerja Menaik Taraf DUN Pulau Pinang di sini 26 November lalu.

Mengulas lanjut, Choo Kiang menyatakan bahawa memandangkan bangunan tersebut dianggap sebagai bangunan warisan, maka kerja-kerja membaik pulih adalah berpandukan kepada kaedah tertentu ditetapkan mengikut kategori warisan serta prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

"Saya dimaklumkan bahawa pemilihan bahan serta kualiti binaan digunakan turut mengambil masa yang panjang.

"Saya percaya selain aspek keselamatan, ruang persidangan turut diberi perhatian… kita dapat menyaksikan imej baharu yang sangat cantik," jelasnya sambil menzahirkan penghargaan kepada JKR Negeri Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Ahmad Rizal memaklumkan bahawa kerja-kerja menaik taraf berkenaan menelan kos sebanyak RM3.67 juta.

"Kerja-kerja naik taraf berjaya disempurnakan kurang daripada dua tahun, dan kita menjangkakan persidangan pada bulan April 2021 akan dijalankan di sini," katanya.




**LAW Choo Kiang (dua dari kiri) merakam gambar kenangan bersama-sama Ahmad Rizal Mohd. Hanapiah (kiri sekali) dan Ir. Roslan Ismail (dua dari kanan) pada Majlis Penyerahan Projek Kerja-kerja Menaik Taraf DUN Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

## Jurulatih cemerlang kongsi pengalaman latih pelapis

**SELAIN** jenis sukan popular seperti olahraga, bola sepak, badminton, skuash, sepak takraw dan renang, sukan yang selalu dikategorikan sebagai tidak kompetitif turut mampu menyerlah serta menjadi penyumbang pingat kepada skuad atlet Negeri Pulau Pinang.

Bagi jurulatih skuad memanah Pulau Pinang, **G. SHAMANI** dan jurulatih pasukan petanque negeri, **NASIR MOHD. NOOR**, tanggapan sedemikian bagaimanapun tidak melunturkan semangat mereka untuk menyertai mana-mana temasya sukan serta memberikan saingan terbaik.

Berlandaskan semangat kental berkaitan, wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** sempat meluangkan masa bersama-sama dua jurulatih berkenaan yang baru-baru ini menerima pengiktirafan 'Anugerah Kecemerlangan Jurulatih' daripada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP). Majlis penyampaian penganugerahan disempurnakan Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee.

Ketika ditemui, Nasir berkongsi kejayaan menuai dua emas, satu perak dan satu gangsa pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Perak 2018.

"Saya cukup berbangga dengan komitmen tinggi yang diberikan oleh anak-anak buah ketika bersaing.

"Walaupun pasukan kami (petanque) kurang publisiti, namun setiap kali penganjuran temasya sukan ia tetap meriah, cuma perlu berdepan dengan beberapa kekangan seperti lokasi latihan, peralatan dan beberapa faktor lain," katanya yang menerima sijil penghargaan dan sijil simpanan premium Bank Simpanan Nasional (BSN) bernilai RM1,000 daripada MSNPP ekoran pengiktirafan diterima pada 27 November lalu.



**SOON Lip Chee (tengah) merakam gambar kenangan bersama-sama G. Shamani (kiri sekali) dan Nasir Mohd. Noor sejurus menerima pengiktirafan 'Anugerah Kecemerlangan Jurulatih' daripada MSNPP di sini baru-baru ini.**

Tambah Nasir, sebagai jurulatih kepada pelapis sukan petanque di negeri ini, latihan komprehensif adalah amat ditekankan.

"Bagi membolehkan latihan dijalankan, saya memang berusaha…terutamanya melalui sekolah, kita perlu dapatkan kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) terlebih dahulu.

"Namun, berlaku sedikit kesukaran apabila tidak banyak sekolah menyenaraikan acara petanque kerana ia tiada dalam senarai Majlis Sukan Sekolah Pulau Pinang (MSSPP).

"Apa pun, untuk pelapis memang kita perlukan penglibatan sekolah, justeru saya ada memberi cadangan sebelum ini untuk libatkan guru-guru sebagai penyelia atau jurulatih sama seperti sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak.

"(Dan) secara tidak langsung pendekatan ini akan menarik minat murid kerana apabila ada guru, barulah pelajar secara automatik rajin turun padang latihan," ujarnya yang lebih 20 tahun berkecimpung dalam arena petanque.

Dalam mengembangkan sukan tersebut, Nasir memaklumkan bahawa usaha memperkenalkan petanque di sekolah-sekolah giat dijalankan.

"Salah satu kebaikan petanque yang saya cuba sebelum ini adalah memperkenalkan sukan ini kepada golongan orang kurang upaya (OKU) lembam.

"Hasil penglibatan OKU dalam petanque mampu meningkatkan potensi diri mereka, sebab dalam petanque ini ada macam-macam disiplin yang boleh diaplikasikan seperti mengira, fokus dan lain-lain lagi," jelasnya.

Dalam pada itu, bagi acara sukan memanah, Shamani percaya bahawa sukan berkenaan tidak kurang hebatnya.

"Sukan memanah adalah berkait rapat dengan faktor cuaca dan disiplin. Apabila berlatih, memang kita boleh sediakan khemah, tetapi pada hari pertandingan kalau panas, memang panas, sekiranya hujan, kalau ada kilat baru ia diberhentikan.

"Jadi, kebanyakan ibu bapa yang tengok anak mereka terpaksa lalui perkara macam ini, habis…selepas itu mereka tidak akan benarkan lagi anak mereka masuk.

"Macam sukan tempur…apabila tengok anak kena sepak, tumbuk… minggu depan terus tarik diri," ulasnya ketika menceritakan pengalaman melahirkan pelapis atlet memanah.

Menyentuh mengenai pencapaian SUKMA Perak 2018, anak buah Shamini berjaya membawa pulang satu emas, empat perak dan dua gangsa yang mana emas berjaya diraih trio kompaun, M. Khambeswaran, Syed Imran Syed Ibrahim dan Muhamad Faris Jamaludin.

Mengulas lanjut, Shamani menyatakan bahawa selain faktor cuaca dan mencari pelapis berdisiplin tinggi, masa latihan turut menjadi cabaran.

"Mana tidaknya, adakala latihan mengambil masa sehingga empat jam sehari.

"Dalam pemilihan atlet memanah, faktor tangan juga diambil kira, ada sesetengah individu tangan adalah tidak lurus sangat, jadi ketepatan memanah akan menjadi sukar," jelasnya yang merupakan bekas atlet kebangsaan yang pernah memenangi pingat perak pada Sukan SEA Vietnam.

# Mangsa kebakaran medan selera terima bantuan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**TANJUNG BUNGA –** Seramai 33 pemilik gerai makanan dan minuman di Astaka Mutiara Selera dekat sini yang musnah dalam kejadian kebakaran baru-baru ini menerima bantuan daripada Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman memberitahu bahawa pihaknya (melalui ZPP) telah bersetuju untuk menyalurkan bantuan kewangan kepada semua pemilik gerai makanan dan minuman di sini.

"Seramai 18 pemilik gerai beragama Islam menerima wang zakat manakala baki 15 pemilik gerai yang bukan beragama Islam pula menerima wang daripada sumber am.

"Saya turut merasa simpati kepada semua mangsa yang terlibat dan semoga dipermudahkan segala urusan mereka selepas ini," ujarnya yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah ZPP pada sidang media dekat lokasi kejadian di sini 9 November lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga, Zairil Khir Johari yang turut berada di lokasi meluangkan masa hampir 60 minit mendengar rintihan pemilik gerai makanan serta minuman terlibat.

Kebanyakan peniaga di sini adalah peniaga sepenuh masa dan apabila kebakaran terjadi maka mereka terputus sumber pendapatan.

"Saya akan cuba sedaya membantu mereka (peniaga terjejas) termasuk isu keselamatan stok serta perkakasan gerai yang sering dicuri.

"(Dan) dalam masa sama turut berterima kasih kepada TKMI (Ahmad Zakiyuddin) serta ZPP atas bantuan kewangan yang diberikan kepada peniaga terjejas di sini," jelasnya yang juga Exco Infrastruktur dan Pengangkutan.


BARISAN depan (dari kiri), AMRAN Hazali, Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman dan Zairil Khir Johari pada sidang media dekat lokasi kebakaran di sini baru-baru ini.

## Skim Bantuan Pengurusan dan Pentadbiran tingkat kualiti persatuan sukan

**GEORGE TOWN –** Exco Belia & Sukan, Soon Lip Chee memberitahu bahawa tujuan Kerajaan Negeri memperkenalkan Skim Bantuan Pengurusan dan Pentadbiran (SBPP) adalah untuk meningkatkan kualiti pentadbiran serta pengurusan persatuan-persatuan sukan di Pulau Pinang.

Menerusi skim tersebut, beliau memberitahu bahawa Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) akan menilai 10 perkara serta memberi pemarkahan kepada persatuan-persatuan sukan meliputi Kategori A, B, C dan D.

"Bagi persatuan Kategori A, peruntukan dana sebanyak RM20,000 akan disalurkan kepada persatuan sukan tersebut; Kategori B (RM10,000); Kategori C (RM5,000) dan tiada peruntukan akan diberikan sekiranya persatuan tersebut mendapat pemarkahan bagi Katergori C.

"Sebagai Exco Belia dan Sukan, saya percaya bantuan peruntukan ini akan dapat membantu daripada segi peningkatan kualiti, keberkesanan dan (tahap) keaktifan 48 persatuan yang bernaung di bawah MSNPP," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal dalam sidang media di sini 20 November lalu.

Hadir sama, Pengarah MSNPP, Harry Chai Heng Hua dan pegawai-pegawai bagi majlis sukan negeri berkenaan.

Sebelum ini, Lip Chee menyatakan bahawa persatuan-persatuan sukan hanya diperuntukan bantuan dana pembangunan sukan berasaskan kepada pencapaian serta prestasi atlet dan penglibatan dalam Sukan Malaysia (SUKMA).

Bagi tujuan SBPP, tambah beliau, MSNPP memperuntukkan RM960,000 iaitu peruntukan maksimum sekiranya 48 persatuan sukan berjaya mencapai Kategori A.

Dalam pada itu, Heng Hua memberitahu bahawa antara kriteria penilaian yang akan diambil kira adalah maklumat asas, penglibatan persatuan dalam program anjuran MSNPP, pengurusan mesyuarat, program pembangunan atlet serta kejohanan dalaman persatuan.

"Malah aspek program kejurulatihan, program pegawai teknikal, data atlet persatuan, data jurulatih persatuan dan data pegawai teknikal persatuan turut akan dilihat untuk proses pemarkahan kelak.

"Penilaian dan proses pemarkahan bermula pada Disember 2020 sehingga November 2021 dan SBPP akan dibayar pada Disember tahun hadapan.

"Sekiranya SBPP ini berjaya mencapai tahap yang diinginkan, mungkin kita akan memohon dana tambahan daripada Kerajaan Negeri untuk SBPP pada tahun berikutnya," ulasnya.


SOON Lip Chee (kiri sekali) dan Harry Chai Heng Hua pada sidang media di sini baru-baru ini.



# Status OKU bukan penghalang Sakarar bergelar pelukis

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**WALAUPUN** dilahirkan sebagai orang kurang upaya (OKU), namun ia langsung tidak mematahkan semangat anak jati Pulau Pinang, **T. SAKARAR**, 56, untuk menjalani hidup seperti manusia normal lain.

Malah, kekurangan yang ada pada diri beliau dijadikan motivasi untuk terus maju dengan mengasah bakat melukis yang dimiliki sejak berusia lima tahun.

Sakarar berkata, walaupun hanya berjaya menamatkan pelajaran di peringkat Sijil Rendah Pelajaran (SRP) tetapi beliau tetap tidak berputus asa dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemahiran dalam berkarya.

"Walaupun kerjaya sebagai pelukis bukanlah kerja hakiki tetapi saya tetap berharap agar suatu hari nanti saya boleh menceburi bidang ini secara lebih serius.

"Minat terhadap seni lukis tidak pernah padam meskipun sekarang ini saya bekerja sepenuh masa sebagai pengawal keselamatan.

"Sebab itulah, di samping melukis saya juga menjadi tenaga pengajar bagi kelas lukisan untuk pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah di kawasan sekitar.

"Tambahan pula, salah seorang anak saya juga mempunyai minat yang sama," katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui di kediaman beliau dekat Taman Pantai Bersih di sini pada 24 November lalu.

Bercerita mengenai perancangan masa hadapan, Sakarar memberitahu bahawa beliau berhasrat untuk mengembangkan kemahiran melukis kepada perniagaan sampingan yang mampu menjana pendapatan.



**MENUNJUKKAN sebahagian hasil lukisan.**



**T. Sakarar menunjukkan kemahiran melukis wajah yang mampu disiapkan dalam masa 10 minit.**

Namun katanya, hasrat tersebut sukar dilaksanakan pada masa ini ekoran kekangan sumber kewangan untuk membeli peralatan lukisan yang lebih bermutu seperti cat arkilik, papan lukisan lebih bermutu serta kelengkapan lain.

"Buat masa sekarang, saya hanya melukis gambar-gambar pemandangan dan wajah manusia menggunakan pewarna biasa seperti *poster colour*, *soft pastel* serta pensel biasa.

"Oleh itu, setiap lukisan yang saya hasilkan hanya mampu dijual pada harga RM10 setiap satu yang mana lukisan dihasilkan biasanya akan dijual di pasar-pasar awam," ujarnya yang merupakan salah seorang penerima bantuan emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Justeru, beliau yang merupakan bapa kepada empat cahaya mata berharap agar dapat memperoleh sedikit peruntukan untuk menghasilkan lukisan lebih bermutu bagi membantu meningkatkan pendapatan keluarganya.

Difahamkan, setiap lukisan yang dihasilkan Sakarar mampu disiapkan hanya dalam tempoh masa 10 hingga 20 minit.

Bagi yang berminat untuk membeli lukisan atau menyumbang peralatan melukis boleh hubungi beliau di talian, 017-401 5849.



**ELEMEN pemandangan alam merupakan lukisan yang paling digemari.**

# i-WATCH JKSNPP raih anugerah inovasi kebangsaan

**BERTAM** - Ketua Hakim Syarie Pulau Pinang, YAA Tuan Muhammad Abdul Karim Wahab berharap projek inovasi i-WATCH atau *'Interactive Wakalah Technology Conference'* yang dibangunkan oleh Team Excellence (TE) Surfactant Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang (JKSNPP) berjaya meraih anugerah lima bintang dalam Persidangan dan Ekspo Tahunan Produktiviti dan Inovasi (APIC) 2020 Peringkat Kebangsaan.

Beliau berkata demikian selepas mengikuti sesi telesidang dari bilik latihan Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara di sini baru-baru ini.

Menurut Muhammad Abdul Karim, JKSNPP merupakan satu-satunya agensi di bawah Kerajaan Negeri yang dipilih oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) untuk menyertai pertandingan peringkat kebangsaan pada kali ini.

"Saya difahamkan ada 245 kumpulan inovasi daripada sektor awam serta swasta dari seluruh negara menyertai pertandingan inovasi peringkat kebangsaan yang diadakan secara maya, bermula pada 17 hingga 20 November 2020.

"Dan, TE Surfactant JKSNPP telah layak ke APIC 2020 berdasarkan kepada kejayaan kumpulan inovasi tersebut memperoleh dua anugerah emas dalam pertandingan inovasi sebelum ini, iaitu Mini Konvensyen Team Excellence (MTEx) Wilayah Utara dan yang telah diadakan pada 22 Jun 2020 dan pertandingan *Regional Innovation Showcase on Team Excellent* (RISTEX 2020) pada 1 dan 2 September 2020.

"Jadi, saya yakin projek inovasi i-WATCH ini boleh pergi lebih jauh lagi dalam pertandingan APIC 2020 peringkat kebangsaan," jelasnya kepada Buletin Mutiara.

Turut serta dalam persidangan secara maya tersebut adalah anggota TE Surfactant JKSNPP, iaitu Mohd. Hafiz Idris (Ketua Kumpulan Inovasi), Muaz Marzuki, Abdul Rahman Abdullah, Mohd. Yusri Salleh, Rosnah Masri, Addawiyah Ahmad, Nor Baayah Mohd. Nor dan Siti Aishah Ibrahim.

Dalam pada itu, Mohd. Hafiz yang ditemui kemudian menjelaskan bahawa i-WATCH adalah projek inovasi perkhidmatan yang memudah dan mempercepatkan proses berwakalah antara peguam syariah serta anak guam mereka, iaitu menerusi proses berwakalah secara dalam talian.

"Sebelum adanya projek inovasi ini, keberangkalian mereka (pelanggan) mungkin perlu hadir ke mahkamah banyak kali...(iaitu) keadaan pertama, anak guam hadir tetapi peguam tidak hadir; ataupun peguam hadir tetapi anak guam tidak hadir; dan biasanya kali ketiga baru kedua-dua hadir untuk dibacakan wakalah di depan Pendaftar.



**MUHAMMAD Abdul Karim Wahab (kiri sekali) bersama-sama barisan wakil berkaitan mengikuti sesi telesidang APIC 2020 di sini baru-baru ini.**

"Dengan adanya i-WATCH ini, kalau satu pihak atau kedua-dua pihak tidak dapat hadir ke mahkamah, wakalah boleh dibuat secara maya dan dalam talian.

"Harapan kumpulan inovasi kami, dengan adanya i-WATCH ia akan memudahkan lagi pelanggan yang datang ke mahkamah terutama dalam proses melantik peguam," ujarnya.

Tambah Mohd. Hafiz, dengan adanya projek inovasi perkhidmatan tersebut, ia bukan sahaja akan menjimatkan masa serta kos, bahkan juga mempercepatkan proses perbicaraan satu-satu kes di mahkamah.

Selain itu, beliau turut berharap i-WATCH dipilih mewakili negara ke persidangan inovasi peringkat antarabangsa yang mungkin diadakan sama ada di negara India, Australia atau Indonesia kelak.

Tujuan MPC menganjurkan APIC saban tahun antara lain demi menggalakkan lebih ramai pengamal produktiviti dan kualiti dalam pelbagai bidang dan kepakaran.

# Kaunter pandu lalu pinjam serta pulang buku

**SEBERANG JAYA –** Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) menyediakan perkhidmatan kaunter pandu lalu bagi membolehkan penduduk di negeri ini menghantar atau meminjam buku.

Pustakawan, Azizah Zainon ketika ditemui menjelaskan bahawa kaunter pandu lalu tersebut hanya beroperasi pada hari Isnin hingga Jumaat daripada jam 8:30 pagi hingga 5 petang.

Menurut beliau, perkhidmatan itu disediakan berikutan PPAPP terpaksa menutup pusat perkhidmatan dan perpustakaan di bawah kendalian pihaknya sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).




**PERKHIDMATAN pemulangan buku di kaunter pandu lalu.**

"Perkhidmatan ini disediakan hanya untuk tempoh pelaksanaan PKPB bagi membolehkan orang awam meminjam atau memulangkan buku-buku yang dipinjam.

"Setiap buku yang dipulangkan akan dikuarantin di dalam bilik khas terlebih dahulu selama tiga hari sebelum diletakkan kembali di rak bagi mengelakkan perebakan jangkitan COVID-19," ujarnya ketika ditemui di sini 16 November lalu.

Menurut Azizah, orang awam boleh mengakses laman sesawang PPAPP di *http://www.opac.penanglib.gov.my* untuk membuat tempahan buku.

"Selepas pengguna membuat tempahan, kita akan sediakan buku-buku yang mereka mahukan dan akan diserahkan di kaunter pandu lalu tersebut.

"Selain itu, kita juga lanjutkan tempoh pemulangan buku daripada 14 hari kepada sehingga 26 Disember ini.

"Oleh itu, bagi mereka yang meminjam buku sebelum tarikh pelaksanaan PKPB boleh memulangkan buku sehingga 26 Disember tanpa dikenakan sebarang denda," jelasnya.




**AZIZAH Zainon (dua dari kiri) bersama-sama kakitangan PPAPP merakam gambar dengan berlatarbelakangkan bangunan perpustakaan dekat Seberang Jaya.**

Tambah Azizah, jumlah pengunjung ke Perpustakaan Negeri itu kembali meningkat pada Jun 2020 selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac lalu.

"Oleh itu, semua perkhidmatan dan perpustakaan terpaksa ditutup untuk mengelakkan berlaku kesesakan," katanya.

Difahamkan, selain di Perpustakaan Negeri, kaunter pandu lalu turut disediakan di lima perpustakaan daerah di negeri ini iaitu di Bertam, Bukit Mertajam, Jawi, George Town dan Balik Pulau.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi Perpustakaan Negeri di talian 04-390 2387.


AMBAY PARK (FASA 2A) (BANDAR TASEK MUTIARA)



RUMAH TERES 2 TINGKAT (Jenis A) - FASA 2A

Keluasan Petak Tanah : 112 mp (min) - 205 mp (max)
Keluasan Binaan : 191 mp (min) - 203 mp (max)
Harga Jualan : RM618,000 (min) - RM729,000 (max)
Bilangan Unit : 20



RUMAH TERES 2 TINGKAT (Jenis B) - FASA 2A

Keluasan Petak Tanah : 106 mp (min) - 194 mp (max)
Keluasan Binaan : 181 mp (min) - 194 mp (max)
Harga Jualan : RM558,000 (min) - RM659,000 (max)
Bilangan Unit : 57

Hakmilik Kekal




Pelan Lokasi

PALMINGTON SDN BHD (892241-W)
12-01, Penthouse, Wisma Pantai,
Jalan Wisma Pantai, Kampung Gajah,
12200 Butterworth
Tel : 04-3240088 Fax : 04-3240090
Email: tilb@tambunindah.com

5% Diskaun Untuk Bumiputera

No. Lesen Pemaju : 11882-14/08-2021/0750(L) Tempoh Sah : 16/08/2019 - 15/08/2021
No. Permit Iklan & Jualan : 11882-14/08-2021/0750(P) Tempoh Sah : 16/08/2019 - 15/08/2021
Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan : MPSP
No. Rujukan Pelan Bangunan : MPSP/40/20-75/60
Tarikh Pemajuan Dijangka Siap : September 2021
Jenis Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal
Bebanan Tanah : Tiada
Sekatan Kepentingan : Tiada
IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Bilangan Unit :
Rumah Teres 2 Tingkat (Fasa 2A - Jenis A) - 20 unit
Rumah Teres 2 Tingkat (Fasa 2A - Jenis B) - 57 unit

# Manfaatkan tanah kosong bantu golongan perlu

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**AHLI-ahli** Majis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Bukit Minyak Mukim 13 di Bukit Tengah mengambil inisiatif mengusahakan kebun sayuran demi membantu mereka yang terkesan akibat penularan pandemik COVID-19.

Usaha murni tersebut dilaksanakan dengan memanfaatkan tanah kosong yang terbiar dekat halaman bangunan pejabat MPKK berkenaan dan menukarnya menjadi sebuah kebun dalam bandar.

Pengerusinya, **CHEW CHIN EWO**, 67, ketika ditemui memberitahu bahawa terdapat enam jenis sayuran yang ditanam seperti bayam, kailan, kangkung, *pak choi* (sawi putih), cili dan pucuk ubi keledek untuk diagihkan kepada golongan memerlukan.

"Kita mula usahakan kebun ini pada bulan Jun lalu sebagai menyahut seruan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menggalakkan aktiviti pertanian bandar sebagai sumber pendapatan sampingan.

"Hasil tanaman ini akan diagihkan kepada golongan kurang mampu khususnya mereka yang berpendapatan rendah selain dihantar ke beberapa rumah anak yatim di sekitar kawasan Bukit Minyak.

"Sekiranya terdapat lebihan, barulah sayur-sayuran ini dijual kepada penduduk dengan harga yang lebih murah berbanding di pasaran.

"Bagaimanapun, ada juga penduduk yang membayar harga lebih tinggi sebagai derma ikhlas kepada pihak MPKK," katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui di Pejabat MPKK Bukit Minyak Mukim 13 pada 11 November lalu.

Chin Ewo berkata, selain 13 anggota MPKK, beliau turut dibantu oleh beberapa penduduk setempat yang bersama-sama mengambil bahagian membangunkan kebun seluas kira-kira 2,000 kaki persegi itu.

"Kos untuk memulakan projek ini adalah kira-kira RM2,000 menggunakan peruntukan MPKK Bukit Minyak Mukim 13 untuk membeli anak benih sayuran yang ditanam.

"Apa yang penting semua sayuran yang ditanam ini tidak menggunakan racun. Jadi sayur-sayuran ini boleh dikatakan sebagai tanaman organik," ulasnya.

Beliau berkata, anggaran hasil yang berjaya dikutip daripada kebun tersebut adalah kira-kira 50 hingga 100 kilogram setiap bulan.

Justeru, tambah Chin Ewo, bagi meningkatkan lagi hasil kutipan, pihaknya sedang merancang untuk membangunkan sebuah lagi kebun sayuran di atas tanah bersebelahan pejabat sedia ada.

"Kali ini kita akan menggunakan teknik tanaman hidroponik bagi mendapatkan lebih banyak hasil untuk membantu lebih ramai golongan memerlukan.

"Bagaimanapun, projek ini akan ditaja sepenuhnya oleh pihak Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang dan tanaman yang kita sedang pertimbangkan adalah bendi, cili, terung dan kacang," ulasnya.

Bagi yang berminat untuk memulakan projek yang sama atau mempunyai sebarang pertanyaan boleh hubungi, 012 - 4865 820.



KERJA menyiram tanaman yang dijalankan.



CHEW Chin Ewo menunjukkan tanaman cili yang diusahakan di sebuah tanah kosong terbiar di halaman bangunan pejabat MPKK Bukit Minyak Mukim 13 dekat sini.



PEMERIKSAAN bagi mengelakkan serangan ulat pada tanaman bayam.




# Pot seramik kaktus Sila Studio

**ARCA** seni seramik adalah manifestasi perasaan dan fikiran yang terhasil melalui teknik dan penghasilan kreativiti pengkaryanya. Mempunyai nilai estetika tersendiri, seni seramik wujud dalam pelbagai bentuk utiliti seperti mangkuk, pinggan, seni perhiasan serta produk tradisional seperti 'sayung'.

Berbeza dengan pengkarya lain yang lebih cenderung menghasilkan arca berbentuk utiliti dan formaliti, Sila Studio-Ceramics (Sila Studio) tampil menjadikan arca berbentuk pot seramik kaktus sebagai pengeluaran utamanya.

Wartawan Buletin Mutiara, **NORSHAHIDA YUSOFF** dan Jurugambar **FOONG CHEE YIN** cuba mendekati pengasasnya, **DR. SHAMSU MOHAMAD**, 58, untuk mencungkil bakat dan kreativiti semula jadi Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia (USM) berkaitan.

Terletak nun jauh dari hiruk-pikuk bandar, galeri Sila Studio yang terletak di Pusat Inkubator Kraf dekat Sungai Rusa, Balik Pulau pasti mengujakan pengunjung yang hadir.

Menurut Shamsu, disebabkan minatnya yang mendalam dalam penghasilan arca seramik tanah liat, beliau mengasaskan Sila Studio pada tahun 2013 dengan memberi fokus kepada penghasilan arca tanah liat buatan tangan sepenuhnya.

"Di sini, semua arca adalah buatan tangan sepenuhnya tanpa menggunakan mesin, dan itu menjadikan produk Sila Studio lebih unik dan berbeza di antara satu sama lain.

"Arca pengeluaran utama Sila Studio ialah pot seramik kaktus, yang mana produk dihasilkan ini cuba mengetengahkan perbezaan berbanding pengusaha lain daripada segi motif, inspirasi serta teknik yang berbeza antara satu sama lain.

"Walaupun baru tujuh tahun berkecimpung secara serius dalam penghasilan arca seramik ini, Sila Studio kini merupakan satu-satunya pengeluar utama pot seramik kaktus di Malaysia secara besar-besaran.

"Walaupun ia buatan tangan secara manual, tetapi kita mampu menampung permintaan dari dalam Malaysia dan negara jiran seperti Singapura.

"Untuk pemasaran pot seramik kaktus ini, kita menggunakan khidmat pembekal utama yang juga pengeluar pokok kaktus di Kuala Lumpur, mereka yang akan mengagihkan permintaan ke Sabah, Sarawak dan negeri-negeri lain," ujarnya sambil berkongsi harapan untuk memberikan sepenuh fokus terhadap Sila Studio selepas persaraannya pada tahun 2022 kelak.



SEBAHAGIAN hasil jualan di Sila Studio.



**RUPA bentuk pot seramik kaktus yang memperoleh permintaan luar negara.**

## Galeri pameran dan jualan

Selain menghasilkan arca pot seramik kaktus, galeri Sila Studio turut menempatkan pelbagai arca berasaskan tanah liat lain seperti aksesori iaitu kerongsang, anting-anting, *fridge magnet*, *ceramics art* serta hiasan dekorasi rumah.

Uniknya, di sini lengkap semuanya di bawah satu bumbung, selain sebuah bengkel khas untuk penghasilan arca seramik, ia juga menempatkan galeri pameran dan juga jualan produk arca berasaskan tanah liat.

Menurut Shamsu, beliau bersyukur kerana berpeluang menyewa ruang di Pusat Inkubator Kraf di sini kerana berdaftar di bawah Kraftangan Pulau Pinang.

Selain harga sewa yang berpatutan, banyak kelebihan lain turut diraihnya sebagai ahli berdaftar kepada Kraftangan Pulau Pinang seperti memperoleh harga berpatutan ketika mengadakan pameran serta jualan.

Di sini, selain saya sendiri yang menghasilkan arca seramik, isteri dan seorang pelajar lepasan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Malaysia turut membantu.

"Selain galeri pameran dan jualan, saya turut mengadakan bengkel asas mempelajari teknik penghasilan arca seramik serta *teambuilding*, kita cuba perluaskan skop dan semuanya berasaskan permintaan.

"Bengkel asas yang dijalankan terbahagi kepada beberapa kategori, ada yang untuk tempoh tiga jam, setengah hari atau sebulan jika ingin lebih menyeluruh, dan kita cuba penuhi permintaan semua peringkat umur sedari tadika, pelajar, pelancong sehinggalah suri rumah.

"Tujuannya hanya satu, selain pameran dan jualan, saya juga ingin mendidik serta mendedahkan umum supaya mereka lebih memahami apa itu seramik kerana kebiasaannya bila sebut *'pottery'* semuanya merujuk kepada pasu… itu yang mereka faham, tetapi sebenarnya terma seramik ini luas boleh menjadi karya seni, struktur, *fungsional*, aksesori dan lain-lain.. jadi apabila datang ke sini mereka lebih faham serta apresiasi terhadap seramik," zahirnya.

Difahamkan, di galeri ini juga menempatkan beberapa arca seramik daripada pengkarya antarabangsa untuk dipamerkan seperti dari Turki, Australia, Korea, Thailand dan Indonesia.



**ARCA diwarnakan dengan *glaze* atau 'licau'.**

Menurut Shamsu, semua arca antarabangsa berkenaan adalah hasil pertukaran 'tanda mata' dengan pengkarya lain ketika beliau menyertai pameran di peringkat antarabangsa.

## Penghasilan arca seramik

Menurut Shamsu, beliau memperoleh bekalan tanah liat dari Perak dan kebiasaannya mutu atau kualiti tanah liat yang diterima adalah tidak sama bergantung kepada beberapa faktor seperti warna, kepejalan, kandungan dan ketahanan.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa ia merupakan cabaran beliau kerana mutu atau kualiti tanah liat hanya diketahui ketika menghasilkan arca ataupun setelah arca dibakar pada suhu tinggi.

